

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZLINA OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 332**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional penerbangan antarabangsa dihentikan di Lapangan Terbang SkyPark Subang serta apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf lapangan terbang ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa menyokong mana-mana syarikat untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual bagi laluan antarabangsa di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang, tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Selain itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 6 Mac 2002 telah bersetuju bahawa semua syarikat penerbangan yang akan mengendalikan perkhidmatan penerbangan domestik yang menggunakan pesawat jet di masa hadapan disyaratkan mengadakan operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).
2. Buat masa ini, hanya operasi penerbangan berjadual yang menggunakan pesawat *propeller* dan pesawat *turboprop* dibenarkan beroperasi di LTSAAS tersebut kecuali syarikat Raya Airways yang diberi pengecualian bagi menyediakan perkhidmatan penerbangan kargo menggunakan pesawat jet sehingga 31 Mac 2021 bagi membolehkan syarikat tersebut membuat persediaan pemindahan operasi ke Terminal Kargo, KLIA.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Malindo Air dan Firefly menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual penumpang bagi laluan antarabangsa iaitu Subang - Batam (*vice versa* – vv) dan Subang – Seletar (*vice versa* – vv) masing-masing dengan kekerapan penerbangan sebanyak 7 dan 42 kali seminggu menggunakan pesawat ATR-72.
4. Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mempunyai perancangan untuk menaik taraf LTSAAS yang akan dilaksanakan berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk *Subang Airport Regeneration Plan* yang telah bermula pada Ogos 2019 dan akan tamat pada Jun 2020.

Sekian, terima kasih.